

# UMM AL-BARAHIN AND ITS RELATION WITH MALAY JAWI BOOKS

Mohd. Hisyam Abdul Rahim<sup>1</sup>, Mikdar Rusdi<sup>2</sup>, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

<sup>1</sup>*mdhisyam@uthm.edu.my*

<sup>2</sup>*mikdar@uthm.edu.my*

<sup>3</sup>*dawilah@uthm.edu.my*

## ABSTRACT

Umm al-Barahin is a theology masterpiece that delivers a big impact on Malay Jawi Books writing. The book has been fundamental in learning and discussing the attributes of Allah in Malay world. This article found that there are many works of adaption and translation based on Umm al-Barahin produced by Malay traditional scholars. The sustainability of teaching based on this books until now are really amazing. Malay Jawi Books are also a sign of the Islamic scientific tradition that developed in Malay world. The process are rooted on translation and adaptation activities from the Arabic masterpiece to Malay language in Jawi writing.

**Keywords:** *Umm al-Barahin, masterpiece, attributes of Allah and Jawi.*

## 1. PENGENALAN: PENGARANG DAN RINGKASAN KANDUNGAN UMM AL-BARAHIN

### 1.1 Biodata Pengarang

Al-Sanusi merupakan salah seorang ulama' Islam yang terkenal dengan keilmuannya serta hasil karya-karya yang bermutu khususnya dalam bidang Akidah. Nama penuh beliau ialah Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yusuf bin 'Umar bin Shu'aib al-Sanusi al-Hasani. Beliau dilahirkan di Tilimsan bahagian barat Algeria pada tahun 838H atau 839H bersamaan 1435-1436M. Beliau telah wafat pada hari Ahad, 18 *Jamad al-Thani* 895H bersamaan 10 Mei 1490M ketika umur beliau 60 tahun. (Mahayudin, 1988)

Beliau amat dihormati kerana ketinggian ilmu pengetahuannya dan kewarakannya. Beliau bukan sahaja mempelajari ilmu Usuluddin tetapi juga astronomi dan matematik. Di antara guru-guru beliau ialah bapanya, Abu Ya'qub Yusuf, saudaranya, 'Ali al-Talluti, Abu 'Abdullah al-Habbak, Abu al-Hasan al-Qalasadi, Ibn Marzuq dan lain-lain. Pada mulanya beliau belajar di Tilimsan, setelah itu beliau melanjutkan pelajarannya ke Algiers dan berguru dengan 'Abd al-Rahman al-Tha'alibi. (Hafizah et.al. 2004)

Hafizah (2004) menambah lagi bahawa, sarjana-sarjana Islam Maghribi menganggap beliau sebagai seorang *mujaddid* dalam Islam pada permulaan abad ke-9. Sebahagian daripada anak-anak murid beliau ialah, Ibn Sa'd, Abu Qasim al-Zawawi, Ibn al-'Abbas al-Saghir dan Ibn al-Haji al-Yabdari. Menurut al-Baijuri (1277H), karya-karya beliau juga menjadi sumber berautoriti di Afrika Utara dan antara penulisan beliau adalah seperti berikut:

- a. *al-'Aqidah al-Kubra*,
- b. *Umm al-Barahin ('Aqidah ahl al-Tauhid al-Sughra)*,
- c. *'Umdah ahl al-Tawfiq wa al-Tasdid (Kaherah, 1317)*,
- d. *al-'Aqidah al-Wusta (al-Sanusiyah al-Wusta)*,
- e. *Sughra al-Sughra*,
- f. *Mukhtasar fi 'ilm al-Mantiq*,
- g. *Sharh Asma' Allah al-Husna*,
- h. *al-Mujarrabat*,
- i. *al-Tibb al-Nabawi (Leiden, 1375)*,
- j. *Sharh Sahih al-Bukhari*.

## 1.2 Ringkasan Kandungan

Menurut al-Fathani (2005), sekiranya kita meneliti matan asal kitab *Umm al-Barahin* yang ditulis dalam bahasa Arab kita dapat ringkaskan penulisan al-Sanusi kepada bahagian-bahagian berikut:

Pertama	Memulakan penulisannya dengan penjelasan berkenaan hukum akal dan bahagian-bahagiannya.
Kedua	Menerangkan kewajipan setiap mukallaf untuk mengetahui sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus pada Allah dan para rasulnya.
Ketiga	Menerangkan sifat-sifat yang wajib bagi Allah sebanyak 20 sifat dan bahagian-bahagiannya; Sifat <i>Nafsiyyah</i> : 1 (satu) Sifat <i>Salbiyyah</i> : 5 (lima) Sifat <i>Ma'ani</i> : 7 (tujuh) Sifat <i>Ma'nawiyah</i> : 7 (tujuh)
Keempat	Menerangkan sifat-sifat mustahil bagi Allah iaitu 20 sifat.
Kelima	Mengukuhkan hujah berkaitan sifat-sifat bagi Allah dengan mendatangkan dalil-dalil aqli yang diterima oleh akal.
Keenam	Menerangkan sifat-sifat berkaitan para rasul; Sifat yang wajib : 4 (empat) Sifat yang mustahil : 4 (empat) Sifat yang harus : 1 (satu)
Ketujuh	Mengukuhkan hujah berkaitan sifat-sifat bagi para rasul dengan mendatangkan dalil-dalil aqli.

Kelapan	Menerangkan makna <i>Istighna'</i> iaitu terkaya Allah dari setiap makhluk dan <i>Iftiqar</i> iaitu berhajat setiap makhluk kepadaNya dan disertai dengan dalil-dalil aqli.
Kesembilan	Menerangkan perkara-perkara berkaitan ' <i>aqaidul iman</i> beserta huraian-huraiannya.

Matan asal kitab *Umm al-Barahin* oleh al-Sanusi ditulis dengan ringkas dan padat. Justeru penerangan dan syarah yang panjang lebar mencakupi dalil naqli dan aqli dilakukan oleh ulama'-ulama selepas beliau. Syed Dawilah (1993, h. 142) menjelaskan, antara kitab-kitab awal yang mensyarahkan matan tersebut ialah;

- a. *Hasyiat Syeikh 'Abdullah al-Sharqawi 'ala Sharh al-Imam al-Hudhudi 'ala al-Sanusiyah*. Karangan Syeikh Abdullah bin Hijazi al-Sharqawi. 1194 Hijriyyah. Kaherah: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- b. *Hasyiat al-Baijuri 'ala Matn al-Sanusiyah*. Karangan Syeikh Ibrahim al-Baijuri. 1277 Hijriyyah. Kaherah: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- c. *Hasyiah 'ala Sharh Umm al-Barahin*. Karangan Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Dusuqi. 1358 Hijriyyah. Kaherah: Mustafa al-Bab al-Halabi.

## 2. KEISTIMEWAAN UMM AL-BARAHIN

Keistimewaan kitab *Umm al-Barahin* sehingga menjadikannya sebuah karya yang masyhur di Alam Melayu adalah seperti berikut:

**Pertama:** Ia merupakan karya penting dalam bidang akidah dan juga merupakan sumber rujukan utama para ulama' Ahli Sunnah wal Jamaah dalam menerangkan masalah berkaitan sifat-sifat Allah s.w.t.

I'tiqad Ahli Sunnah wal Jamaah berkaitan ketuhanan adalah percaya seyakin-yakinnya bahawa Allah itu ada dan mempunyai banyak sifat. Bagi-Nya sekalian sifat Jamal (Keindahan) dan sifat Jalal (Kebesaran) dan sifat Kamal (Kesempurnaan). Namun demikian, sifat yang wajib diketahui bagi setiap mukallaf adalah:

- a. 20 sifat yang wajib (mesti ada) pada Allah.
- b. 20 sifat yang mustahil (tidak mungkin ada) pada Allah.
- c. 1 sifat yang harus (boleh ada – boleh tiada) pada Allah. (Sirajuddin, 1994, h. 37)

Al-Sanusi menggunakan pendekatan ini bagi menjelaskan masalah sifat dengan tujuan untuk memudahkan orang Islam memahaminya. Pendekatan itulah yang dikenal dengan Sifat Dua Puluh. Dr. Mudasar Rosder (2001, h. 43) menyatakan antara sebab al-Sanusi menghadkan perbicaraan sifat kepada dua puluh sifat ialah seperti berikut:

- a. Pada kurun yang ke-9H telah berlaku percampuran dalam penulisan Ilmu Akidah dengan Ilmu Falsafah, sehingga mengelirukan para pembaca Ilmu Akidah. Orang awam pula tidak dapat membezakan di antara Ilmu Falsafah dengan ilmu agama khususnya dalam masalah Akidah.
- b. Pada kurun itu juga orang yang terpengaruh dengan Ilmu Falsafah dan menganggapnya bahawa ilmu itu mempunyai beberapa intisari yang mendalam yang tidak hanya dapat difaham secara zahir sahaja. Al-Sanusi berpendapat bahawa Ilmu Falsafah boleh melalaikan orang Islam daripada memahami agamanya sendiri sebagaimana yang difahamkan oleh al-Salaf al-Salih.

Berdasarkan alasan tersebut, al-Sanusi cuba membuat sesuatu yang boleh dijadikan panduan kepada orang Islam supaya mereka tidak terpengaruh dengan Ilmu Falsafah, dan dalam masalah sifat.

Sebahagian besar para ulama' dalam bidang Akidah dan umat Islam di dunia ini adalah merupakan pengikut fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah. Justeru terdapat pertalian kukuh antara ulama'-ulama' Arab dan ulama'-ulama' di Alam Melayu dalam konteks keilmuan kerana kebanyakan ulama'-ulama' terkenal di Alam Melayu belajar dan mendapat pendidikan di tanah Arab khususnya di Mekah sebelum menceburkan diri dalam bidang pengajaran ilmu. Oleh kerana persamaan dalam pegangan akidah tersebut maka *Umm al-Barahin* terkenal dan dalam masa yang sama menjadi asas kepada penterjemahan dan pengajaran Ilmu Akidah di Alam Melayu.

**Kedua: Metod yang jelas dan baik** dalam menerangkan masalah berkaitan sifat-sifat Allah s.w.t.

Metod mengajar Ilmu Tauhid yang berkesan adalah berdasarkan kefahaman akal dengan berasaskan nas-nas syara' yang tulen. Adalah lebih penting lagi ketika mengajarkannya dihubungkan antara kedua-keduanya dengan bukti-bukti kekuasaan Allah, maka barulah tercapai tahap pemahaman yang dikehendaki. Al-Sanusi ketika meng*ithbatkan* sifat-sifat Allah dalam kitabnya adalah dengan menjelaskan hukum akal dan bahagian-bahagiannya terlebih dahulu. Penerangan tersebut memudahkan pembaca memahami perkara-perkara selanjutnya yang dibahaskan dalam kitab beliau dengan jelas. (Osman, 1988, h. 2)

### 3. HUBUNGAN KITAB-KITAB JAWI MELAYU DENGAN *UMM AL-BARAHIN*

Buku-buku yang digunakan dalam sistem pendidikan tradisional lebih dikenali sebagai Kitab Jawi. Secara umumnya, Kitab Jawi lebih dikenali sebagai buku-buku yang berkaitan dengan ilmu keagamaan. Kitab ini ditulis tangan dan kemudiannya disalin oleh penyalin tertentu atau para pelajar. Penulisan kitab-kitab tersebut didapati bermula pada abad ke-16 dan penulis kitab-kitab tersebut terdiri daripada ulama'-ulama' tempatan dengan menggunakan bahasa Melayu yang ditulis dengan huruf jawi. Kitab Jawi meningkat pengeluaran dan penyebarannya apabila pada abad ke-19 alat cetak diperkenalkan di Alam Melayu.

Kitab Jawi pada masa yang sama turut juga dikenali sebagai kitab kuning. Ia dipanggil kuning kerana kertas buku tersebut berwarna kuning dan pada asalnya bahan kertas untuk percetakan diperolehi dari Asia Tengah. Ia mula dipanggil sebagai kitab kuning pada

awal abad ke-20 (Koharudin, 2004, Bil. 3, h. 56). Meskipun karya terjemahan daripada kitab *Umm al-Barahin* bukanlah kitab jawi yang pertama di Alam Melayu namun adalah didapati bahawa peranan besar kitab *Umm al-Barahin* amat ketara sehingga melaluinya telah dicatatkan banyak karya yang dihasilkan dalam bahasa Melayu tulisan Jawi yang telah diusahakan oleh para ulama' Melayu. Sebahagian karya-karya tersebut adalah seperti berikut:

**i. *Bidayah al-Hidayah***

Ia merupakan karya tafsiran dan terjemahan pertama bahasa Melayu *Umm al-Barahin* oleh Syeikh Muhammad Zain bin al-Faqih Jalal al-Din al-Asyi pada tahun 1170H bersamaan 1757M. Menurut Wan Muhammad Shaghir Abdullah, kitab tersebut merupakan kitab aqidah yang tertua yang masih berada di pasaran, adapun kitab aqidah yang lebih awal ataupun yang berdekatan tahun selesai penulisan dengannya sudah tidak diterbitkan lagi (2005).

**ii. *Siraj al-Huda***

Ia merupakan tafsiran dan terjemahan bahasa Melayu *Umm al-Barahin* yang diusahakan oleh Syeikh Muhammad Zain al-Din bin Muhammad Badawi al-Sumbawi pada tahun 1259H bersamaan 1885M. Karya ini sangat terkenal dan masih diajar di kalangan masyarakat Melayu sehingga kini. Menurut Wan Muhammad Shaghir Abdullah juga (2007), kitab tersebut diajar di pondok-pondok di Nusantara. Berdasarkan tradisi pengajian pondok, kitab tersebut biasanya dibaca sesudah menamatkan pembelajaran *Kitab Faridah al-Faraid*. Apabila sudah cukup memahami *Kitab Faridah al-Faraid* barulah memasuki *Kitab Siraj al-Huda*. Tetapi ada juga pondok yang mendahulukan *Kitab Siraj al-Huda* kemudian baru mengajar *Kitab Faridah al-Faraid*. Sesudah selesai pengajian kedua-dua kitab itu –yang dipandang sebagai asas ilmu Tauhid- barulah pelajar mempelajari *Kitab al-Durr al-Tsamin*. Setelah semuanya dapat difahami dengan kukuh, asas Ahli Sunnah wal Jamaah metod Syeikh Abu Mansur al-Maturidi tidak berganjak lagi, maka mereka akan memasuki kitab-kitab aqidah yang lebih berat lagi seumpama *Kitab al-Durr al-Nafis* karya Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari dan lain-lain.

**iii. *'Aqidah al-Najin***

Ia merupakan tafsiran dan terjemahan bahasa Melayu *Umm al-Barahin* hasil nukilan Syeikh Wan Zain al-'Abidin bin Wan Muhammad al-Fathani bin Wan Muhammad Dahan bin Wan Sham al-Din bin Wan Ja'far bin Wan Husein. Terdapat pertikaian pendapat, salasilah yang lain menyebut Wan Muhammad Dahan Syeikh Wan Muhammad Muhyi al-Din bin Syeikh Yahya bin Syeikh Ibrahim al-Hadrami. Nama gelaran beliau yang terkenal adalah Tuan Minal. Menurut Wan Muhammad Shaghir Abdullah (2005) karya Tuan Minal *'Aqidah al-Najin* merupakan karya kedua besar sesudah *Wardu al-Zawahir* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani dalam bidang *Usul al-Din*. Karya yang telah diselesaikan pada hari Sabtu pada tahun 1307H bersamaan 1889M ini bukan hanya setakat untuk menjadi rujukan tetapi masih banyak diajar di surau-surau dan di masjid-masjid bahkan di beberapa pondok di seluruh Alam Melayu.

**iv. *Usul al-Tauhid fi Ma'rifat Turq al-Iman li al-Rabb al-Majid* dan *Tamrin al-Sibyan fi Bayan Arkan al-Islam wa al-Iman***

Ia adalah karya tulisan Syeikh Husin Nasir bin Muhammad Tayyib al-Mas'udi al-Banjari ataupun lebih dikenali sebagai Tuan Husin Kedah. *Usul al-Tauhid fi Ma'rifat Turq al-Iman li al-Rabb al-Majid* diselesaikan pada bulan Syawal 1346H. (Syed Dawilah & Halimi, 2007, h.24) Kandungannya membicarakan falsafah ilmu Tauhid dan ilmu Feqah. Manakala *Tamrin al-Sibyan fi Bayan Arkan al-Islam wa al-Iman* kandungannya membicarakan ilmu Tauhid menurut aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan dinyatakan rujukannya ialah *Umm al-Barahin*, syarah al-Hudhudi karya al-Suhaimi *Hasyiah al-Syarqawi dan Dhia' al-Murid*. Dicitak oleh Mathba'ah Dar al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah, Mesir, Zulkaedah 1346H, ditashih oleh Ilyas Ya'qub al-Azhari (Wan Muhammad Saghir, 2004).

Menurut Syed Dawilah dan Halimi (2007, h. 25), karya-karya lain yang menterjemah dan mengadaptasikan serta menghurai *Umm al-Barahin* namun tidak disertakan nama pengarang adalah seperti berikut:

1. *Inilah kitab sharh bagi Matn Jawharat al-Tauhid*, Tanpa Nama Pengarang, Singapura, 1292H.
2. *Inilah kitab sharh Usul al-Tahqiq*, Tanpa nama Pengarang, Pulau Pinang, 1356H.
3. *Inilah 'aqidah bagi Sanusiyyah Matn Umm al-Barahin diterjemah dengan bangsa [bahasa] Melayu*, Tanpa Nama Pengarang, Singapura, Tanpa Tarikh.

Hasil kupasan ringkas daripada maklumat-maklumat di atas didapati bahawa *Umm al-Barahin* menjadi karya asas adaptasi dan terjemahan untuk penulisan kitab-kitab Melayu tulisan jawi dalam bidang aqidah berdasarkan kuantiti yang banyak merujuk kepada karya-karya yang bersumberkan kepadanya.

#### **4. PENUTUP**

Kitab *Umm al-Barahin* yang ditulis oleh al-Sanusi adalah satu pendekatan baru bermula pada kurun ke sembilan hijrah bagi menjelaskan masalah sifat-sifat Allah s.w.t dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perbincangan Ilmu Akidah. Tujuan penulisannya adalah untuk memudahkan orang-orang Islam disemua peringkat bagi memahami pegangan akidah *Ahli Sunnah wal Jamaah*. Karya-karya terjemahan dan adaptasi yang banyak dihasilkan oleh ulama'-ulama' tradisional Melayu dalam bahasa Melayu tulisan Jawi yang bersumberkan *Umm al-Barahin* menunjukkan bahawa wujudnya silsilah keilmuan yang terjalin mantap dan kukuh di antara ulama'-ulama' Timur Tengah dengan ulama'-ulama' di Alam Melayu khususnya. Justeru ia mencernakan satu bentuk kesatuan ilmu-amal-akidah (*wahdah al-'ilm wa al-'amal wal-'aqidah*) di kalangan ummat di Dunia Islam. Selain itu, didapati bahawa kegiatan penterjemahan adalah salah satu mekanisme paling berpengaruh dalam menjana budaya intelek yang mampan bagi sesebuah tamadun di samping budaya penulisan kitab ataupun bahan-bahan ilmiah yang lain. Ia menjadi tunggak tradisi keilmuan dan merupakan kegiatan yang amat penting dalam proses perpindahan ilmu dari satu bangsa kepada bangsa yang lain.

## RUJUKAN

- al-Baijuri, Ibrahim. 1277H. *Hasyiat al-Baijuri 'ala Matn al-Sanusiyyah*. Kaherah: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- al-Edrus, Syed Muhammad Dawilah. 1993. *The Role of kitab Jawi in the Development of Islamic Thought in the Malay Archipelago with special Reference to Umm al-Barahin and the Writings on the Twenty Attributes*. Tesis P.hD. University Edinburgh. United Kingdom.
- \_\_\_\_\_ dan Halimi Mohd Khalid. 2007. *Tradisi Penterjemahan: Wacana Ketamadunan*. Kertas Kerja di Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke 11 pada 21-23 November 2007. Anjuran Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNM) dan Persatuan Penterjemahan Malaysia (PPM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Akademi Pengajian Melayu.
- al-Fathani, Abdul Kadir bin Abdul Rahman. 2005. *Risalah Matan 'Aqidah as-Sanusiyyah Matan Umm al-Barahin (terjemahan melayu)*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Fathaniyyah.
- Amat Juhari Moain. 2008. "Sejarah Asal Usul dan Perkembangan Tulisan Jawi". Prosiding Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Hafizah Dasuki et.al. 2004. *Ensaiklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahaya. 1988. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. 2004. "Tradisi Keilmuan dan Pendidikan Dalam Tamadun Melayu di Nusantara". *Jurnal Kemanusiaan*. Skudai: Penerbit UTM. Bil. 3. Julai.
- Mudasir Rosder. 2001. *Islam Akidah dan Kerohanian*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bab 3, Persoalan Sifat Dua Puluh.
- Osman Jantan. 1988. *Pedoman Ilmu Tauhid*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Sirajudin Abbas. 1994. *I'tiqad Ahlussunnah Wal-jamaah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Siddiq Fadzil. 2008. "Tulisan Jawi: Peranannya Dalam Penyebaran Islam". Pembentangan Jemputan, Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. 2008. "Peranan Tulisan Jawi Dalam Mewarnai Penulisan di Malaysia". Prosiding Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Sohair Abdel Moneim Sery et.al. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam. 1999. *Kajian Ilmu-ilmu Islam - Prosiding Wacana Akademik Jilid 1*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Wan Muhammad Saghir Abdullah. 6 Ogos 2004. "Husein Kedah Al-Banjari Penerus Generasi Ulama' Banjar". *Ulama'-ulama' Nusantara. Utusan Malaysia*. <http://utusan.com.my>.
- \_\_\_\_\_. 21 Mac 2005. "Tok Wan Din al-Fathani". *Ulama'-ulama' Nusantara*. <http://tokoh.blogspot.com>.
- \_\_\_\_\_. 6 September 2005. "Tuan Minal al-Fathani". *Ulama'-ulama' Nusantara*. <http://ulama.blogspot.com>.
- \_\_\_\_\_. 26 Februari 2007. "Syeikh Muhammad Zainuddin As-Sumbawi Pengarang Sirajul Huda". *Ulama'-ulama' Nusantara*. <http://ulama-nusantara-baru.blogspot.com>.